



# Cerita Digital asah kemahiran ICT pelajar

SELARAS dengan hasrat kerajaan

## SK Jenderam Hilir, SMK Puchong Perdana juara CerDig 2011

Oleh **Khairunnisa Kamarudin**  
khairunnisa@bharian.com.my

**P**ASUKAN dari Sekolah Kebangsaan (SK) Jenderam Hilir dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Puchong Perdana masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai RM2,000, trofi dan sijil apabila dipilih menjuarai Anugerah CerDig 2011 bagi kategori sekolah rendah dan sekolah menengah.

Tempat kedua dimenangi oleh SK Bukit Badong bagi kategori sekolah rendah dan SMK Puchong Utama (1) bagi kategori sekolah menengah masing-masing membawa pulang RM1,500 masing-masing manakala tempat ketiga adalah SK Convent Kajang dan SMK Puchong dengan hadiah RM1,000.

Mereka adalah antara 200 murid dan pelajar dari 19 sekolah sekitar Selangor yang bertanding dalam pertan-

dingan Cerita Digital (CerDig) yang dianjurkan oleh pemaju dan pemilik tanah bandar raya pintar Cyberjaya, Cyberview Sdn Bhd (Cyberview).

Bagi murid Tahun Lima SK Jenderam Hilir, Mohamad Akashah Azman beliau tidak



nai bernilai RM2,000 serta sijil.

Tempat kedua pula dimenangi oleh SK Bukit Badong bagi kategori sekolah rendah dan SMK Puchong Utama (1) bagi sekolah menengah manakala tempat ketiga menjadi milik SK Convent Kajang dan SMK Puchong.

Tempat kedua dan ketiga masing-masing menerima hadiah wang tunai bernilai RM1,500 dan RM1,000 beserta sijil.

Pertandingan yang bermula dengan bengkel ini diadakan bagi memperkenalkan pembelajaran aktif melibatkan aktiviti hands-on di mana para pelajar serta guru berpeluang untuk menggunakan dan mencuba perisian seterusnya menafsir idea dan imaginasi ke dalam media digital berbentuk video.

## Bercerita menerusi teknologi digital

**SERAMAI** 200 pelajar dari 19 sekolah dari Cyberjaya, Dengkil, Salak Tinggi, Puchong dan Kajang berkumpul untuk merebut anugerah CerDig (cerita digital) yang dianjurkan oleh Malaysia Cybergames Operations and Research (MyCore), di Cyberjaya, baru-baru ini.

Bengkel CerDig mensasarkan untuk memupuk minda dan modal insan dalam pembangunan maklumat ICT serta teknologi maklumat dalam kalangan pelajar sekolah, sekali gus memupuk minat golongan muda dalam industri ini.

Bengkel dua minggu pada September lalu, mendedahkan pelajar terhadap penulisan dan penyuntingan cerita pendek, diikuti dengan membuat papan cerita dan mengambil gambar serta video sendiri. Pelajar juga diberikan kemudahan menggunakan perisian tertentu dengan menukarkan skrip cerita kepada bentuk teknik animasi dalam berkumpulan.

Pelajar dari Sekolah Jenderam Hilir dinobatkan sebagai juara Anugerah CerDig 2011 bagi kategori sekolah rendah dan SMK Puchong juara dalam kategori sekolah menengah. Masing-masing membawa pulang wang tunai RM2,000.

SK Bukit Badong dan SMK Puchong Utama (1), tempat kedua dan masing-masing membawa pulang piala dan wang RM1,500. SK Convent Cyberjaya dan SMK Puchong masing-masing membawa pulang RM1,000. SK Ijok, SK Taman Seroja, SMK Cyberjaya dan SMK Bandar Baru Salak Tinggi mendapat sagu hati untuk kategori penerbitan menarik.

Inisiatif ini adalah salah satu langkah Cyberview dalam menggalakkan kreativiti multimedia dan celik digital dalam kalangan pelajar sekolah, sekali gus membangunkan kerjaya dalam industri kandungan, permainan dalam industri digital serta teknologi ICT.



SK Jenderam Hilir telah dinobatkan sebagai juara CerDig 2011 dalam kategori sekolah rendah yang turut membawa pulang wang RM2,000.